

Praktis 7

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Matahari terbenam di sebelah _____.
A utara C timur
B barat D selatan
- 2 Rumah Naimah terletak di _____ jalan utama dengan Tasik Bayu.
A celah C antara
B dalam D hadapan

Soalan 3 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

- 3 Sebaik-baik sahaja ternampak ular di _____ pasu bunga, adik menjerit ketakutan.
A atas C luar
B tepi D celah
- 4 Di _____ deretan kedai itu terdapat laluan untuk pejalan kaki.
A tepi C celah
B atas D bawah
- 5 Di _____ bekas kaca itu terdapat jel berbentuk bebuli pelbagai warna.
A tepi C dalam
B luar D pangkal

Soalan 6 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

- 6 Abang menyandarkan basikalnya di _____ dinding rumah.
A tepi C bawah
B atas D penjuru
- 7 Di _____ sungai itu terdapat beberapa buah rumah Orang Asli.
A sebalik
B sebelah
C seberang
D sekeliling
- 8 Di _____ dan _____ jalan menuju ke kampung itu ditanami dengan pokok mangga.
A atas...bawah
B tepi...tengah
C luar...dalam
D kiri...kanan

Soalan 9 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

- 9 Mursyid bersandar di _____ pokok itu sambil membaca buku cerita.
A pangkal
B bawah
C atas
D tepi
- 10 Cuaca di _____ hujan, lebih baik berteduh dahulu sehingga hujan reda.
A sisi
B luar
C dalam
D tengah